

WANG TIDAK PATUH SYARIAH

PENGENALAN WANG TIDAK PATUH SYARIAH

Islam melarang keras umatnya bermuamalah dengan cara yang tidak diredainya. Hal ini kerana Allah S.W.T. telah menjanjikan balasan buruk kepada pelaku-pelaku orang yang memakan harta dengan cara yang zalim.

DALIL MENGENAI WANG TIDAK PATUH SYARIAH

Hal ini bertepatan Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa sedangkan kamu mengetahui.”

(Surah al-Baqarah, ayat 188)

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Sesungguhnya Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.”

(Surah al-Baqarah, ayat 275)

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka antara kamu.”

(Surah al-Nisa, ayat 29)

PERSOALAN BERKENAAN WANG TIDAK PATUH SYARIAH

Apakah yang dinamakan sebagai Wang Tidak Patuh Syariah?

Prof. Dr. Muhammad Nabil Ghanayim, Profesor di Kuliyyah Syariah Universiti Kaherah, telah mentakrifkan wang atau harta tidak patuh syariah sebagai harta haram yang diperolehi melalui jalan-jalan yang tidak syarie iaitu mengambil harta yang terdapat larangan keatasnya atau terdapat balasan (had) keatas pelakunya, atau terdapat janji buruk berkaitannya, atau yang dinamakan sebagai batil Oleh Allah S.W.T..

Prof. Dr. Muhamad Ratib An-Nablusi juga mentakrifkan wang tidak patuh syariah adalah wang yang diperolehi dengan cara yang diharamkan oleh Syarak seperti judi, jual beli yang melanggar syariat Islam dan seumpamanya.

Kebanyakan fuqaha mutakhirin mentakrifkan harta tidak patuh syariah ialah harta yang dimiliki dan diperolehi melalui jalan yang tidak diiktiraf oleh syarak seperti rompakan, rampasan, hasil jualan baran gcuri, rasuah, perjudian, loteri, transaksi riba, perlindungan insuran konvensional, keuntungan pelaburang di dalamsekuriti tidak patuh syariah dan seumpamanya.

Apakah klasifikasi Wang Tidak Patuh Syariah?

Berdasarkan kepada takrif wang tidak patuh syariah di atas dapat disimpulkan bahawa klasifikasi wang tidak patuh syariah adalah seperti berikut:

- Dividen / Bonus Insurans Konvensional
- Riba' atau faedah
- Judi atau pertaruhan
- Pengeluaran dan penjualan tidak halal
- Jual beli sekuriti tidak patuh syariah
- Hasil Aktiviti lain yang tidakselaras dengan syariah

Apakah kaedah melupuskan Wang Tidak Patuh Syariah?

Setiap individu muslim yang memiliki wang tidak patuh syariah adalah diwajibkan keatasnya untuk melupuskan wang tersebut. Hal ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah r.akananya, Rasulullah S.A.W. telah bersabda:

“Barangsiapa yang menzalimi kehormatan atau apa sahaja harta saudaranya hendaklah ia meminta halal daripadanya pada hari ini sehingga jangan berbaki satu dinar atau dirham. Jika tidak, sekiranya dia mempunyai amal soleh, maka akan diambil amal solehnya dengan kadar kezaliman yang dilakukannya, dan kiranya tiada lagi kebaikan, maka akan dipertanggungjawabkan kejahatan orang yang dizaliminyaitu pula.”

Melalui keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009, telah dinyatakan iaitu:

- i. Diserahkan kepada Baitulmal untuk maslahah umum umat islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- ii. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”.

Bagaimakah peranan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah(PBNS) keatas Wang Tidak Patuh Syariah?

Secara praktikalnya, di negeri Sabah, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah adalah Agensi Islam yang dipertanggungjawab untuk mentadbir Wang Tidak Patuh Syariah.Oleh yang demikian mana-mana umat Islam yang terlibat dengan aktiviti tidak patuh syariah kemudian ia bertaubat dan ingin melepaskan dirinya daripada hasil aktiviti tersebut maka hasil daripada aktiviti itu haruslah disalurkan kepada Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) bagi maksud pelupusan.

Penyerahan kepada PBNS, merupakan pilihan cara pelupusan yang utama, selamat dan meyakinkan serta mampu menyumbang kepada peningkatan aktiviti kebajikan PBNS (tidak termasuk bantuan makan minum). Bidang tugas ini telah diperuntukkan di dalam Enakmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah, seksyen 20 (2) (c) iaitu: ‘Harta atau Wang yang diperolehi oleh orang Islam dengan cara haram, sama ada melalui judi atau sebagainya yang mana selepas ia bertaubat, tidak dapat dikembalikan kepada empunya wang atau harta itu, bolehlah diserahkan kepada Baitulmal’.

Penyalurang Wang Tidak Patuh Syariah boleh dibayar secara tunai ke Pejabat PBNS di Tingakt 1 Blok B Wisma MUIS. Atau cek atas nama Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah atau bayaran terus ke No. akaun 560148685124 (Maybank, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah).